

**THE CONCEPT OF *MAHABBAH* ACCORDING TO BEDIUZZAMAN  
SAID NURSI BASED ON *RISALE-I NUR***

**KONSEP *MAHABBAH* MENURUT BADIUZZAMAN SAID NURSI  
BERDASARKAN KITAB *RASA'IL AL-NUR***

Norullisza Khosim<sup>i</sup> & Muhammad Akmalludin Mohd Hamdan<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. norulliszakhosim@usim.edu.my

<sup>ii</sup> (*Corresponding Author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. akmalludin@usim.edu.my

*Article Progress*

Received: 23 August 2024

Revised: 15 November 2024

Accepted: 4 December 2024

<b>Abstract</b>	<p><i>Mahabbah, which is also referred to love, is often considered as a feeling that only occurs between men and women. However, mahabbah is not limited to such feelings. In reality, mahabbah carries a broader meaning because it encompasses the love among people, other creatures, and more priority to Allah SWT. In the debate on mahabbah, one of the figures who emphasized the matter was Said Nursi. Interestingly, Said Nursi has a unique view when it comes to mahabbah. Hence, this study aims to examine the mahabbah from the perspective of Said Nursi based on his magnum opus entitled Risale-i Nur. This study uses the document study method as data collection by applying the content analysis approach as data analysis. The results showed that in discussing mahabbah, Said Nursi emphasized that every form of mahabbah needs to be based on love in the name of Allah SWT and is because of Him. This kind of love will have a positive effect on humankind because its depend is only because of Allah SWT, which will follow the guidelines of Islamic shari'a and will help humankind achieve happiness not only in this world but even in the Hereafter.</i></p> <p><i>Keywords:</i> Mahabbah, Love, Said Nursi, Risale-i Nur, Islamic Shari'a.</p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Mahabbah yang juga disebut sebagai cinta seringkali dianggap sebagai perasaan yang hanya berlaku antara sesama lelaki dan perempuan. Namun, mahabbah tidak terbatas kepada perasaan sebegitu. Realitinya, mahabbah membawa maksud yang lebih luas kerana merangkumi rasa cinta sesama insan, kepada makhluk lain, dan lebih utama kepada Allah SWT. Dalam perbahasan tentang mahabbah, antara tokoh yang memberi penekanan kefahaman kepada perkara tersebut ialah Said Nursi. Menariknya, Said Nursi mempunyai pandangan yang unik apabila membahas tentang mahabbah. Justeru, kajian ini bertujuan meneliti kefahaman mahabbah dari perspektif Said Nursi menerusi kitabnya yang berjudul Rasa'il Al-Nur. Dalam pengumpulan data, kajian ini menggunakan pakai kaedah kajian dokumen, selain penggunaan analisis kandungan bagi tujuan menganalisis data. Hasil kajian memperlihatkan bahawa dalam membahas mahabbah, Said Nursi</i></p>

	<p><i>meneckankan praktikal setiap bentuk mahabbah perlu disandarkan kepada cinta atas nama Allah SWT dan adalah kerana-Nya. Cinta sebegini yang dilihat akan memberi kesan positif dalam perlakuan diri kerana setiap sandaran itu hanya kerana Allah SWT yang perlu mengikut garis panduan syariat yang ditetapkan, seterusnya akan membantu menggapai kebahagian bukan sahaja di dunia, malah di akhirat kelak.</i></p> <p><i>Kata Kunci: Mahabbah, Cinta, Said Nursi, Rasa'il Al-Nur, Syariat Islam.</i></p>
--	--

## PENDAHULUAN

Masyarakat kini berhadapan dengan kurangnya kefahaman tentang konsep *mahabbah* yang sebenar. Menurut Octafany (2020), masyarakat memahami konsep *mahabbah* dengan kefahaman yang sempit, kesan daripada kurangnya kefahaman terhadap konsep itu. Lebih membimbangkan lagi, apabila kefahaman yang sempit ini memberi kesan kepada berlakunya masalah sosial (Abu Zahrin et al., 2016) bahkan kepada peningkatan masalah kriminal (Octafany, 2020). Permasalahan ketidakfahaman sebegini perlu dielakkan bagi menghindar berlakunya masalah-masalah yang lebih membimbangkan dalam diri dan masyarakat kini.

Sebagai contoh masalah kriminal yang berlaku disebabkan cinta, perkara ini dapat dilihat dalam beberapa kes yang dilaporkan di media massa seperti yang berlaku di Georgetown, seorang lelaki didakwa membunuh dua beranak yang merupakan seorang bapa dan anak perempuan kerana cintanya ditolak (Harian Metro, 2024). Dalam satu kes lain, dilaporkan seorang teman lelaki telah membunuh seorang graduan perempuan kerana cinta (Sinar Harian, 2024). Bahkan, terdapat juga satu kes pembunuhan lain yang dilaporkan kerana berlakunya konflik cinta antara teman lelaki dan wanita (Buletin TV3, 2024).

Realitinya, *mahabbah* tidak hanya terhad kepada perasaan tertarik kepada lawan sejenis tetapi berlaku dalam konteks yang lebih luas. Sebagai contoh, *mahabbah* Allah SWT kepada hamba, *mahabbah* hamba kepada Pencipta, *mahabbah* kepada Rasulullah SAW, *mahabbah* kepada dunia, *mahabbah* kepada makanan lazat, *mahabbah* kepada perkara-perkara indah dan sebagainya. Menerusi beberapa contoh yang dinyatakan, *mahabbah* yang sebenar adalah lebih luas dan tidak terhad hanya kepada perasaan tertarik kepada lawan sejenis.

*Mahabbah* jika difahami dengan baik dan diperaktikkan dalam kehidupan berteraskan ajaran Islam akan memberi kesan yang positif. Namun sebaliknya, jika tidak difahami dengan baik dan disempitkan hanya dengan perasaan tertarik kepada lawan sejenis akan memberi impak yang negatif. Oleh sebab itu, setiap insan perlu memiliki kefahaman tentang *mahabbah* dengan erti kata yang sebenar menurut ajaran Islam.

Menariknya dalam memberi kefahaman yang sebenar tentang *mahabbah*, pelbagai tokoh telah membincangkan perkara ini antaranya ialah Said Nursi. Dalam membahaskan *mahabbah*, Said Nursi mempunyai pandangan yang unik dan dinukilkhan menerusi kitabnya berjudul *Rasa'il al-Nur*. Justeru, kajian ini berusaha memperkenalkan *mahabbah* berdasarkan perspektif Said Nursi menerusi kitab *Rasa'il al-Nur* agar dapat membantu memberi gambaran dan kefahaman yang sebenar, seterusnya diperaktikkan dalam kehidupan dengan cara yang dituntut syariat Islam.

## OBJEKTIF KAJIAN

Dalam pendahuluan kajian, dinyatakan beberapa permasalahan yang ditemui. Kurangnya kefahaman tentang *mahabbah* merupakan antara penyumbang kepada berlakunya permasalahan sosial dan kriminal. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, kajian berusaha membantu memberi kefahaman yang sebenar tentang konsep *mahabbah* dari perspektif Said Nursi berdasarkan kitab *Rasa'il al-Nur*. Menerusi kefahaman yang sebenar ini, *mahabbah* dapat diperaktikkan dengan cara yang betul dan membantu mengurangkan berlakunya sebarang permasalahan sosial dan kriminal dalam kalangan masyarakat.

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian dokumen digunakan sebagai kaedah pengumpulan data dalam kajian ini. Selain itu, bagi tujuan menganalisis data, analisis kandungan diguna pakai bagi tujuan tersebut. Secara lebih terperinci, penelitian data *mahabbah* yang mengkhususkan pencarian kepada kalimah *mahabbah* dilakukan berdasarkan kitab *Rasa'il al-Nur* secara keseluruhannya dengan menggunakan naskhah berbahasa Arab yang diterjemah oleh al-Salihiy.

Dalam masa yang sama, bagi memastikan ketepatan data yang dikumpul menerusi kitab *Rasa'il al-Nur*, penggunaan aplikasi '*Mutala'at Rasa'il al-Nur*' juga dirujuk untuk memastikan data *mahabbah* diteliti sepenuhnya. Aplikasi ini merupakan aplikasi yang memuatkan keseluruhan jilid bagi kitab *Rasa'il al-Nur* merangkumi jilid *al-Kalimat*, *al-Maktubat*, *al-Lama'at*, *al-Syu'a'at*, *Isyarat al-Ijaz*, *al-Mathnawiy al-Arabiyy al-Nuriyy*, *al-Malahiq*, *Sayqal al-Islam*, dan *Sirat al-Dzatiyyat*. Data dikumpul dengan mengkhususkan penggunaan kalimah *mahabbah*. Selain itu, maklumat-maklumat daripada pelbagai kajian lepas dari pelbagai bentuk yang berkaitan dengan tajuk kajian turut dirujuk.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini memuatkan perbincangan tentang profil ringkas Said Nursi dan *Rasa'il al-Nur*, definisi *mahabbah*, hakikat *mahabbah*, dan bentuk-bentuk *mahabbah* menurut perspektif Said Nursi. Perbincangan setiap subtopik adalah seperti berikut.

### Profil Ringkas Said Nursi dan *Rasa'il al-Nur*

Menurut Horkuc (2004), Said Nursi adalah seorang pengasas gerakan agama dan tokoh yang dikagumi di Turki. Beliau dilahirkan antara tahun 1876M (Mohamad, 2018), dengan nama sebenar Said bin Mirza (Nursi, 2013i). Gelaran *Badiuzzaman* diberikan oleh ulama besar Turki ketika beliau berusia 16 tahun asbab ilmu dan kecerdasan luar biasa yang dimilikinya (Md Isa & Zulkifli, 2020). Beliau dibesarkan oleh kedua ibu bapanya sehingga umur sembilan tahun di sebuah perkampungan bernama *Nurs* (Syauqi, 2017).

Selanjutnya, menurut Wan Sulaiman (1987), Said Nursi merupakan seorang Muslim Kurdi. Beliau mendapat pendidikan awal menerusi kedua ibu bapanya yang sentiasa mengadakan kelas pengajian di rumah dengan kehadiran para ulama (Yusoff et al., 2013). Beliau turut memiliki sifat sabar, berani, semangat yang cekal, dan badan yang sihat dan cergas, bahkan mahir berkuda dan menembak (Wan Sulaiman, 1987).

Sepanjang kehidupannya, Said Nursi menghambakan diri kepada perjuangan Islam dengan sentiasa berdakwah kepada masyarakat bagi mengekalkan kefahaman ajaran Islam terutama saat Barat dan fahaman sekular mendominasi Turki ketika itu (Yusoff et al., 2013). Ketokohan beliau jelas kelihatan dalam kepimpinannya dan dakwah yang dilakukan (Mohamad Saidi et al, 2023).

Kitab *Rasa'il al-Nur* pula merupakan karya yang ditulis oleh Said Nursi dalam pelbagai situasi yang dihadapi sepanjang kehidupan. Kitab ini kekal menjadi rujukan hingga kini. *Rasa'il al-Nur* mengandungi pelbagai topik yang dibincangkan termasuk tentang iman dan tauhid, kisah-kisah anbiya', nilai-nilai murni dan banyak lagi (Ridwanuddin, 2017; Md Isa & Zulkifli, 2020). Lebih menarik lagi apabila terkait dengan tujuan kajian ini, *mahabbah* juga turut dibincangkan oleh Said Nursi secara terperinci dengan sudut pandangnya yang tersendiri. Perkara ini akan dibincangkan dalam subtopik seperti berikut.

### Konsep *Mahabbah*

Bahagian ini akan membincangkan konsep *mahabbah* dari perspektif Said Nursi berdasarkan kitab *Rasa'il al-Nur* yang diperincikan menerusi definisi, hakikat, dan bentuk-bentuk *mahabbah* sebagaimana yang berikut.

### Definisi *Mahabbah*

*Mahabbah* ialah salah satu daripada nilai Islam yang disebutkan selain nilai-nilai yang lain dalam al-Quran. Para ilmuwan telah mendefinisikan *mahabbah* dengan pelbagai

pendefinisian. Pertama, menurut al-Tusiy (2016) dan al-Qusyairiy (2014), mahabbah merupakan satu perasaan dan amalan mulia dengan penyaksian Allah SWT menerusi hati nurani. Kedua, menurut al-Hasaniy (2008), *mahabbah* ialah hati yang cenderung dan terikat kepada Allah SWT, dan ketiga, *mahabbah* bererti hati yang selaras dengan setiap perkara yang diperintahkan Allah SWT, kekal berzikir dan bermunajat kepada-Nya, serta menuruti yang disuruh oleh Rasulullah SAW (Al-Tustariy, 2004).

Menerusi definisi-definisi ini, dapat dirumuskan *mahabbah* sebagai perasaan dan amalan mulia dengan keselarasan hati kepada Allah SWT menerusi perlakuan yang mendekatkan diri kepada-Nya. Namun, Said Nursi mendefinisikan *mahabbah* sebagai fitrah insani, cinta sejati dan rasa kasih yang dianugerahkan Allah SWT, diarahkan kepada kebaikan, dan bermatlamatkan kebahagiaan dunia dan ukhrawi (Nursi, 2013a). Said Nursi turut menyatakan, *mahabbah* itu letaknya di hati (Nursi, 2013a), dan di situlah tempat pengendalian dan penentuan kehidupan manusia (Al Faruqi, 2019). Hal ini turut disebutkan dalam sebuah hadith:

﴿أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً إِذَا صَلَحَتْ صَالِحٌ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقُلُبُ﴾

*“Ingatlah sesungguhnya dalam tubuh seorang insan itu terdapat segumpal daging. Jika segumpal daging itu baik, maka seluruh tubuh juga baik. Jika segumpal daging itu rosak, maka seluruh tubuh juga akan rosak. Ketahuilah, segumpal daging itu adalah hati”.* (al-Bukhariy. No. Hadith: 52)

Said Nursi turut menyebut bahawa *mahabbah* juga berlaku melalui tiga aspek iaitu *al-Jamal* (kecantikan dan keindahan), *al-Kamal* (kesempurnaan); dan *al-Ihsan* (kekurniaan) (Nursi, 2013c). Pemahaman yang mendalam terhadap tiga aspek ini memberikan kesan terhadap pertambahan *mahabbah* dalam hati seseorang manusia (Khosim, 2023). Selain itu, Said Nursi turut menekankan tentang praktikal *mahabbah*, perkara ini perlu dilakukan secara *al-harfiy*<sup>1</sup> dan tidak secara *al-ismiy*<sup>2</sup> (Nursi, 2013b). Hal ini disebabkan, setiap perkara di dunia ini tidak akan kekal melainkan Allah SWT. Oleh yang demikian, *mahabbah* perlu disandarkan kepada yang kekal abadi (Nursi, 2013a).

### Hakikat *Mahabbah*

Dalam *Rasa'il al-Nur*, Said Nursi turut membahaskan hakikat *mahabbah* (Khosim & Hanapi, 2023). Secara fitrahnya, *mahabbah* merupakan faktor utama terciptanya kebahagiaan dan dengannya menjamin kehidupan yang harmoni dalam kehidupan bersosial (Nursi, 2013a). Dari sudut terperinci, Said Nursi (2013a) menghuraikan hakikat *mahabbah* menerusi empat *nuktah*<sup>3</sup> utama. Perincinya adalah seperti berikut.

Jadual 1: Hakikat *Mahabbah*

Nuktah	Huraian
Pertama	<i>Mahabbah</i> merupakan fitrah yang dianugerahkan Allah SWT dan boleh bertukar dari cinta majazi kepada cinta hakiki.
Kedua	Sandaran <i>mahabbah</i> kepada setiap penciptaan Allah SWT perlu dilakukan hanya kerana Allah SWT dan cinta kepada-Nya.
Ketiga	Tingkatan <i>mahabbah</i> terhadap <i>al-asma' al-husna</i> terbahagi kepada tiga perkara. Satu, dunia yang memiliki kesan daripada <i>al-asma' al-husna</i> . Dua, bagi Allah SWT segala gelaran kesempurnaan. Tiga, manusia memerlukan dan berhajat kepada segala nikmat Allah SWT.
Keempat	Hasil <i>mahabbah</i> terbahagi secara dunia dan ukhrawi.

<sup>1</sup> *Al-harfiy* bermaksud melihat semua makhluk Allah SWT sebagai ciptaan-Nya dan atas nama Allah SWT (Nursi, 2013f). *Al-harf* bermaksud sesuatu yang menunjukkan makna kepada selainnya (Nursi, 2013g).


<sup>2</sup> *Al-ismiy* bermaksud melihat semua makhluk Allah SWT berdasarkan makna tersendiri dan bukan atas nama Allah SWT sebagai Pencipta (Nursi, 2013f). *Al-ismiy* merujuk kepada sesuatu yang menunjukkan makna tersendiri (Nursi, 2013g).

<sup>3</sup> *Nuktat* atau *Nukat* @ *Nukat* bermaksud *al-'alamat al-khafiyyat* iaitu tanda-tanda yang tersembunyi (<http://al-maany.com>). Kalimah 'nuktat' yang disebut oleh Said Nursi dalam *Rasa'il al-Nur* bermaksud perbincangan isu ilmiah yang disampaikan secara terperinci dan memberi kesan dalam diri.

Berdasarkan kepada Jadual 1 di atas, dapat disimpulkan bahawa berdasarkan *Rasa'il al-Nur*, Said Nursi (2013a) telah membahagikan perbincangan tentang hakikat *mahabbah* kepada empat *nuktah* utama. Secara ringkasnya, menerusi empat *nuktah* ini dapat difahami bahawa *tawajjuh*<sup>4</sup> *mahabbah* kepada Allah SWT dilakukan dalam setiap jenis *mahabbah*. Hal ini disebabkan, Allah SWT sahaja yang berhak dan layak dicintai. Bahkan hanya dengan cinta-Nya, setiap insan akan menerima hasil kecintaan yang baik di dunia dan akhirat. Manifestasi *al-asma' al-husna* dalam setiap bentuk *mahabbah* juga perlu dilakukan untuk mendapat kesan yang positif dalam diri. Oleh itu, menerusi kefahaman tentang hakikat *mahabbah* dan dipraktikkan dalam kehidupan dapat membantu seseorang insan mencapai matlamat utama kehidupan iaitu sebagaimana yang disebutkan Said Nursi dalam definisi *mahabbah* iaitu *sa'adat al-darayn* (kebahagiaan dunia dan akhirat).

### Bentuk-Bentuk *Mahabbah*

Berdasarkan kitab *Rasa'il al-Nur*, *mahabbah* terdiri daripada 14 bentuk. Bentuk-bentuk *mahabbah* ini ialah *mahabbat Allah wa al-iman bih* (cinta kepada Allah SWT dan beriman dengan-Nya), *mahabbat al-malak* (cinta kepada para malaikat), *mahabbat Rasul Allah SAW* (cinta kepada Rasulullah SAW), *mahabbat ali al-bayt* (cinta kepada ahli keluarga Rasulullah SAW), *mahabbat al-anbiya' wa al-salihin* (cinta kepada para nabi dan orang soleh), *mahabbat al-walidayn wa al-awlad* (cinta kepada ibu bapa dan anak-anak), *mahabbat al-nafs* (cinta kepada diri sendiri), *mahabbat al-zawjat* (cinta kepada isteri), *mahabbat al-asdiqa' wa al-aqarib* (cinta kepada sahabat dan kerabat), *mahabbat al-dunya* (cinta kepada dunia), *mahabbat al-at'imat al-ladhidhat wa al-fawakih al-tayyibat* (cinta kepada makanan dan buah-buahan lazat), *mahabbat al-asyya' al-jamilat* (cinta kepada perkara-perkara indah), *hubb al-jah wa al-syuhrat* (cinta kepada kedudukan dan kemasyhuran), *hubb al-rahat wa tasannum al-wazaif* (cinta kepada keselesaan dan keinginan terhadap jawatan tinggi). Bentuk-bentuk *mahabbah* ini dapat diringkaskan sebagaimana rajah berikut.



Rajah 1: Bentuk-Bentuk *Mahabbah*

<sup>4</sup> *Tawajjuh* bermaksud penumpuan diri (akal, fikiran, perasaan) (Carian Umum (dbp.gov.my)).

Rajah 1 memperlihat 14 bentuk-bentuk *mahabbah* yang dibahaskan oleh Said Nursi dalam kitab *Rasa'il al-Nur*. Menerusi 14 bentuk *mahabbah* ini, Said Nursi menekankan agar setiap *mahabbah* yang dilakukan perlu disandarkan kepada Allah SWT, bahkan dilakukan kerana Allah SWT semata-mata. Dalam erti kata lain dan sebagaimana yang telah dihuraikan di bahagian definisi *mahabbah*, *mahabbah* dilakukan secara *al-harfiy* bukan secara *al-ismiy*. Perkara ini jika ditekankan sebagaimana yang disarankan dalam praktikal kehidupan akan membawa kebahagiaan hakiki, bahkan tidak akan pudar dan tidak menyebabkan kehinaan, dosa dan derita (Nursi, 2013a). Malahan, di akhirat kelak akan mendapat rahmat Allah SWT (Nursi, 2013a).

## RUMUSAN

Kesimpulannya, kajian ini telah memperkenalkan konsep *mahabbah* menurut pandangan Said Nursi berdasarkan kitab *Rasa'il al-Nur*. Said Nursi dalam membahas konsep *mahabbah* telah membahagikan kepada tiga perkara utama iaitu (i) definisi *mahabbah*, (ii) hakikat *mahabbah*, dan (iii) bentuk-bentuk *mahabbah*. Menerusi huraian mendalam berkaitan *mahabbah*, Said Nursi meletakkan *sa'adat al-darayn* sebagai matlamat *mahabbah*, serta keperluan merubah seluruh cinta majazi kepada cinta hakiki. Bahkan, perlunya penekanan kepada konsep *al-harfiy* dan *al-ismiy* dalam praktikal *mahabbah* itu sendiri dalam kehidupan. *Mahabbah* menurut Said Nursi juga dilihat menjaga kedua-dua bentuk hubungan vertikal dan horizontal, iaitu hubungan dengan Allah SWT, serta hubungan dengan sesama manusia dan sekalian makhluk Allah SWT yang lain. Kefahaman mendalam tentang konsep *mahabbah* menurut perspektif Said Nursi ini dilihat dapat membantu insan dalam memastikan praktikal *mahabbah* selari dengan setiap perkara yang dituntut oleh syariat Islam, seterusnya mencapai *sa'adat al-darayn*.

## RUJUKAN

### Buku

- Al-Hasaniy, A. A. (2008). *Mi'raj al-Tasyawwuq ila Haqa'iq al-Tasawwuf*. Bayrut: A'lal al-Kitab.
- Al-Tusiy, A. A. (2016). *Al-Luma' fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islamiy*. Kaherah: Dar al-Fath.
- Al-Tustariy, S. A. (2004). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Kairo: Dar al-Haram li al-Turas.
- Nursi, B. S. (2013a). *Al-Kalimat*. Terj: Ihsan Qasim Al-Salihiy. Kaherah: Sozler Publications.
- Nursi, B. S. (2013b). *Al-Maktabat*. Terj: Ihsan Qasim Al-Salihiy. Kaherah: Sozler Publications.
- Nursi, B. S. (2013c). *Al-Lama'at*. Terj: Ihsan Qasim Al-Salihiy. Kaherah: Sozler Publications.
- Nursi, B. S. (2013f). *Al-Mathnawiyy Al-'Arabiyy*. Terj: Ihsan Qasim Al-Salihiy. Kaherah: Sozler Publications.
- Nursi, B. S. (2013g). *Al-Malahiq*. Terj: Ihsan Qasim Al-Salihiy. Kaherah: Sozler Publications.
- Nursi, B. S. (2013i). *Sirat Al-Dhatiyyat*. Terj: Ihsan Qasim Al-Salihiy. Kaherah: Sozler Publications.
- Wan Sulaiman, W. J. (1987). *Mujaddid Islam Sheikh Bediuzzaman Said Nursi*. Ankara: Ihlas Nur Nesriyat.

### Jurnal

- Abu Zahrin, S. N., Osman, H., Idris, F., (2016). Konsep Cinta Muslim, Personaliti dan Akhlak Percintaan dalam Kalangan Belia Muslim. *MALIM – Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara*. 17, 29-52.
- Al-Faruqi, A. R. (2019). Al-Insan al-Kamil Inda Badiuzzaman Said Nursi. *TASFİYAH: Jurnal Pemikiran Islam*. 3(1), 133-153.
- Khosim, N., & Hanapi, M.S. (2023). Tasawur Mahabbah Menurut Badiuzzaman Said Nursi Berdasarkan Kitab Kulliyat Rasa'il Al-Nur. *JIMK: Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporeri*. 24(1), 154-163.
- Mohamad, Q. (2018). A Brief Sketch of the Memoirs of the Life and Works of Bediuzzaman Said Nursi. *Journal of Social Science and Religion*. 3(2), 207-219.

- Octafany, A. (2020). Konsep Mahabbah Jalaluddin Rumi. *Refleksi: Jurnal Filsafat dan Pemikiran Islam*. 21(2), 215-231.
- Ridwanuddin, P. (2017). Ekoteologi Dalam Pemikiran Badiuzzaman Said Nursi. IAIN Samarinda: *Jurnal Ilmu Dakwah Dan Komunikasi (LENTERA)*. 1(1), 39-61.
- Syauqi, M. L. (2017). Mengenal Risalah Nur Karya Said Nursi Dan Metodologi Penafsirannya. *Maghza*. 2(1), 109-124.
- Yusoff, K., Yilmaz, O., Ebrahimi, M., (2013). Transition in Turkey: An overview of Bediuzzaman Said Nursi, His Life and Works for Medresetu'z-Zehra. *International Journal of West Asian Studies*, 5(2), 67-77.

### Persidangan

- Md Isa, M. Y. A. & Zulkifli, F. (2020). *Ketokohan Sa'id Nursi Dalam Pentafsiran Berhubung Sunnah: Kajian Teks Dalam Rasail Al-Nur*. Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020. 308-319.
- Mohamad Saidi, N. A., Mohd Nasir, N. S., Ismail Dzlan, A. S., & Syed Hassan, S. N., (2023). *Ketokohan dan Keperibadian Badiuzzaman Said Nursi dalam Memperjuangkan Islam*. E-Prosiding Kertas Kerja: Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 (Arif 2023): "Memartabatkan Kearifan Islam & Nusantara" 432-443.

### Tesis

- Horkuc, H. (2004). *Said Nursi's Ideal for Human Society: Moral and Social Reform in the Risale-i Nur*. Tesis Doktor Falsafah, Institute for Middle-Eastern and Islamic Studies, University of Durham.
- Khosim, N. (2023). *Konsep Pembangunan Insan Berteraskan Nilai Mahabbah Berdasarkan Kitab Kulliyat Rasa'il Al-Nur Karangan Badi' Al-Zaman Sa'id Al-Nursiy*. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam: Universiti Sains Malaysia.

### Artikel akhbar

- Bunuh kerana cinta ditolak: Pekerja pembersihan didakwa membunuh Zulkifli dan Zulaila. (2024, November 13). *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2024/11/1154470/bunuh-kerana-cinta-ditolak-pekerja-pembersihan-didakwa-membunuh-zulkifli-dan>
- Kalau cinta, mengapa sampai membunuh. (2024, Julai 17). *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/675455/suara-sinar/kalau-cinta-mengapa-sampai-membunuh>
- Tragedi umpsama fantasi Romeo dan Juliet. (2024, Ogos 14). *Buletin TV3*. <https://www.buletintv3.my/mahkamah/fail-mahkamah-tragedi-umpsama-fantasi-romeo-dan-juliet/>

### Penafian

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*